

Isu Uighur: Memang patut 'ajar' China

66

Kuasa
Kata

ABDUL
MUEIN ABADI



dipaksa menjalani "indoktrinasi kebudayaan dan politik" yang disebut sebagai "pendidikan semula" ke atas mereka agar mentaati rejim Komunis dan mengubah identiti Islam mereka.

Laporan Rukiye Turdush dalam portal Al-Jazeera menyatakan bahawa rejim Komunis China memisahkan anak-anak Uighur secara paksa daripada keluarga mereka dan ditempatkan di sekolah-sekolah khas untuk memaksa mereka mempelajari peraturan Komunis China, mentaati Parti Komunis China, belajar bahasa Mandarin, dan menghapuskan identiti Muslim serta tradisi Uighur mereka.

Setiap keluarga Uighur turut dipaksa menerima kader Parti Komunis China untuk tinggal di rumah mereka sekurang-kurangnya selama lima hari dalam tempoh setiap dua bulan. Program ini jelas sekali mencerooboh unit keluarga Uighur dan cukup membimbangkan dari segi impaknya ke atas keberadaan umat Islam Uighur di Xinjiang.

Paling tragis ialah kematian misteri sarjana terkemuka Uighur,

Muhammad Salih Hajim selepas ditahan selama 40 hari oleh rejim Komunis China. Beliau amat dihormati kerana merupakan sarjana pertama yang menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Uighur. Punca kematian beliau tidak didedahkan, sebaliknya ahli keluarga beliau yang lain turut ditahan termasuklah anak perempuan beliau.

Kesemua langkah terdesak ini berpunca daripada kebimbangan China terhadap kebangkitan Muslim Uighur yang semakin berani memperjuangkan hak dan autoriti politik mereka - termasuklah kewujudan puak pemisah Uighur yang memperjuangkan kemerdekaan Xinjiang untuk membentuk negara Turkistan Timur.

Secara tiba-tiba, kerajaan Malaysia telah membebaskan 11 warga Uighur yang melarikan diri dari penjara Thailand dan dikehendaki oleh China. Pada 2017 mereka ditahan di Malaysia. Perdana Menteri Tun Dr Mahathir sebaliknya mengatakan bahawa keputusan diambil untuk meng-

hantar kesemua warga Uighur ke Turki atas alasan 'mereka tidak melakukan apa-apa kesalahan'.

Dari segi politik dan moral, langkah kerajaan menghantar warga Uighur ini ke Turki dan mengingkari permintaan China yang mahu menahan mereka adalah langkah yang tepat sama sekali. Dengan rekod pembunuhan politik dan hak asasi manusia yang buruk, tentulah China akan mengambil tindakan yang buruk ke atas 11 warga Uighur ini.

Namun begitu, kemudiannya Portal South China Morning Post (SCMP) melaporkan bahawa tentera laut China akan datang menjalankan latihan di Selat Melaka bersama Malaysia dan Thailand mulai 20 Oktober ini. Latihan selama sembilan hari yang berhampiran Port Dickson dan Pelabuhan Klang serta diberi nama 'Peace and Friendship 2018' itu akan menyaksikan kehadiran tiga kapal pemusnah dan frigat China, dua helikopter 'shipborne', tiga kapal pengangkut pesawat Il-76 serta 692 anggota tentera laut China.

Pastinya, tiada apa yang pelik

tentang kedatangan tentera China ke Selat Melaka ini jika difahami bahawa tentera China pernah menjalankan latihan bersama angkatan tentera Malaysia sejak 2014 dan 2015 lagi dengan nama yang sama iaitu 'Peace and Friendship' (Keamanan dan Persahabatan).

Malah, latihan tersebut tetap diadakan meski pun sejak 2013 lagi diketahui bahawa kapal-kapal China mencerooboh Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia berhampiran Beting Patinggi Ali dan Beting Serupai di perairan Sarawak.

Cuma dalam konteks politik semasa - dalam keadaan Jho Low masih dikatakan bersembunyi di China dan pembantaian China ke atas warga Muslim Uighur masih berlangsung - mungkin ada elokriya jika kedatangan tentera China ke Selat Melaka ini ditangguhkan atau dibatalkan terus.

* Penulis ialah Pensyarah Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia

Perhatian rejim Komunis China minggu ini tiba-tiba tertumpu ke arah Malaysia. Sebelum ini, telah tersebar secara meluas akan laporan mengenai layanan kerajaan China ke atas umat Islam berketurunan Uighur - mereka dilayan ibarat pesakit mental di kem tahanan khas untuk mengubah identiti mereka agar menjadi lebih 'China'.

Langkah ini menyusuli beberapa tindakan seperti kempen 'anti-halal' dan pengubahan demografi penduduk Xinjiang yang majoritinya sebelum ini terdiri daripada Uighur yang beragama Islam kini dibanjiri kedatangan etnik Han China.

Pada Ogos 2018, Jawatan Kuasa PBB tentang Penghapusan Diskriminasi Perkauman telah melaporkan bahawa seramai satu juta warga Uighur telah ditahan di pusat "anti-keganasan" di China manakala sebesar dua juta orang lagi